



# PELAN STRATEGIK

## MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

# 2021 - 2025





# Isi Kandungan

<b>PERUTUSAN YANG DIPERTUA</b>	<b>2</b>	<b>TERAS STRATEGIK</b>	<b>40</b>
<b>PERUTUSAN SETIAUSAHA</b>	<b>3</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><b>MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SERTA MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI</b></li></ul>	<b>42</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>5</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><b>MEMPERKASAKAN SUMBER HASIL MAJLIS UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN</b></li></ul>	<b>44</b>
<b>LATAR BELAKANG MPBP</b>	<b>7</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><b>MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP YANG MAMPAN BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT.</b></li></ul>	<b>47</b>
<b>PUNCA KUASA - SENARAI AKTA</b>	<b>21</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><b>MEMPERKASAKAN MUAFAKAT DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN</b></li></ul>	<b>49</b>
<b>VISI &amp; MISI MPBP</b>	<b>23</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>51</b>
<b>FUNGSI MPBP</b>	<b>25</b>		
<b>NILAI – NILAI UTAMA</b>	<b>27</b>		
<b>CARTA ORGANISASI</b>	<b>31</b>		
<b>ANUGERAH DAN PENCAPAIAN</b>	<b>33</b>		
<b>ISU DAN CABARAN</b>	<b>36</b>		
<b>PIHAK BERKEPENTINGAN</b>	<b>38</b>		



*Dataran Penggaram, Batu Pahat.*



# ***Kata Aluan***



# Perutusan Yang DiPertua

## Majlis Perbandaran Batu Pahat

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam sejahtera dan Salam Makmur Johor.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, dapat saya mencoret sepecah dua kata dalam Buku Pelan Strategik MPBP 2021 - 2025.

Pelan Strategik MPBP (2021-2025) ini adalah usaha berterusan bagi mencapai pelan tindakan yang diperlukan dalam perancangan pada masa hadapan. Selain itu ia juga akan digunakan sebagai garis panduan supaya ia selari dengan buku perancangan yang telah dihasilkan sebelum ini.

Bermatlamatkan Visi yang baharu 'Majlis Perbandaran Batu Pahat ke arah bandar pintar, lestari dan makmur' jelas terperinci bahawa MPBP komited terhadap pelbagai aspek dalam menjayakan Visi yang telah dirancang. Buku Pelan Strategik MPBP 2021 -2025 ini telah dibengkelkan dan ia jelas dibuat secara pendapat bersama, selain itu juga Pelan Strategik ini melibatkan keseluruhan jabatan dalam MPBP. Oleh itu, semua Jabatan perlu peka dan memantau Pelan Tindakan supaya ia tercapai.

Saya yakin dengan perancang yang baik ia akan mengurangkan halangan dan kekangan yang tidak diduga. Setiap gerak kerja perlu fokus dan dirancang sebaiknya bagi memastikan tugas dapat disempurnakan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pihak yang berurusan dengan MPBP. Yang penting, keterlibatan semua pihak perlu ada bagi mencapai pelaksanaan yang diharapkan.

Semoga dengan adanya Pelan Strategik MPBP 2021 - 2025 ia dapat menyuntik semangat yang baru ke arah memperkasa perkhidmatan MPBP menjadi PBT yang terbaik dikalangan yang terbaik.

MPBP – MAJU DAN SEJAHTERA

**HAJI KAMALLUDIN BIN HAJI JAMAL**  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT



# Perutusan Setiausaha

## Majlis Perbandaran Batu Pahat

*Assalamualaikum dan Salam Makmur Johor,*

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya dapat saya mencoretkan sedikit ucapan di dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Batu Pahat 2021 – 2025.

Pertama kali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga MPBP kerana bertungkus lumus dan berganding bahu dalam menyumbang idea demi menyiapkan buku Buku Pelan Strategik.

Pelan Strategik ini bermula dengan siri bengkel dan mesyuarat bersama Ketua Jabatan dan Unit MPBP dalam merancang dan memastikan segala yang dirancang tercapai. Pelan Strategik ini mempunyai 4 Teras utama dan di sokong dengan 18 strategi.

Oleh demikian, seluruh warga kerja MPBP perlu bersama dan bekerja secara berpasukan bagi memastikan perancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Akhir kata, saya berharap dan berdoa agar MPBP agar terus maju dan sejahtera.

Sekian terima kasih.

**MUHAMMAD HELMI BIN YA'KUB**  
Setiausaha  
Majlis Perbandaran Batu Pahat



Bangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat





# ***Ringkasan Eksekutif***



# Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik 2021 – 2025 adalah perancangan 5 tahun MPBP dalam memastikan pengurusan yang cemerlang serta meningkatkan kualiti perkhidmatan selari dengan keadaan semasa.

Pelan Strategik ini merupakan kesinambungan Pelan Strategik yang terdahulu. Ia mengambil kira perubahan dan pembangunan kawasan pentadbiran Batu Pahat selari dengan pembangunan Negeri dan Negara. Ia juga merupakan satu gerak kerja strategik yang dibangunkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan MPBP dalam semua aspek dan mewujudkan suasana persekitaran hidup yang lebih kondusif, lestari dan memberikan kesejahteraan kepada rakyat tempatan.

Setiap wargakerja MPBP adalah agen transformasi paling hadapan dalam perantaraan di antara rakyat dan PBT. Oleh itu dengan adanya Pelan Strategik MPBP 2021 – 2025 ia dapat memberikan kebolehpercayaan dalam memberikan khidmat paling murni.



# ***Latar Belakang MPBP***



# Latar Belakang MPBP

## **Batu Pahat**

Asal usul nama Batu Pahat ialah dari sebuah perigi batu, iaitu Perigi Batu Pahat yang dipahat oleh tentera Siam ketika dalam perjalanan hendak menyerang Negeri Melaka pada tahun 1456. Perigi yang berusia lebih lima abad, adalah satu-satunya peninggalan sejarah yang masih wujud di kuala Sungai Batu Pahat, iaitu di Kampung Minyak Beku.

Kerja-kerja mengukur bagi pembukaan bandar Batu Pahat bermula pada 2 Disember 1893. Kerja mengukur diketuai oleh Dato' Mohd Salleh bin Perang yang bergelar Dato' Bentara Luar. Beliau dibantu oleh Penghulu Rahmat bin Ragam (Penghulu Simpang Kanan), Towkey Lim Swee Poon dan Orang Kaya Sidek bin Ismail (Orang Kaya Bagan).

Menjelang tahun 1894 bandar Batu Pahat sudah mempunyai satu rangkaian jalan raya yang teratur dan baik. Bangunan-bangunan atap pula dijadikan pejabat-pejabat kerajaan seperti mahkamah, balai polis dan penjara. Pelbagai kemudahan sosial seperti rumah sewa dan pasar awam turut didirikan.



Tanggal 1 Januari 1894, Bendera Negeri Johor megah berkibar di Bukit Penggaram melambangkan kedaulatan Negeri Johor dan wujudnya sebuah bandar bagi daerah Batu Pahat. Dari tarikh itu juga bukit tersebut (Bukit Penggaram) digelar Bukit Bendera.

Kemuncak kepada segala usaha bagi membangun sebuah bandar ialah pada 1 Disember 1891. Pada tarikh tersebut, Dato Bentara Luar di hadapan pegawai-pegawai kerajaan, Orang-orang Kaya dan Penghulu-penghulu mengisytiharkan lafaz rasmi bandar dengan nama Bandar Penggaram serta menanam azimat di persimpangan Jalan Penggaram sebagai tanda kesejahteraan dan keselamatan bandar

Mulai tahun itu diwujudkan jawatan Pesuruhjaya Kerajaan yang memerintah Batu Pahat. Pesuruhjaya Kerajaan yang pertama ialah Dato' Bentara Luar sendiri dan dibantu oleh pegawai-pegawai kerajaan Johor yang didatangkan sebagai ketua jabatan.

Sejak daripada itu, pembangunan Bandar Penggaram bertambah rancak. Dato' Bentara Luar memainkan peranan penting dalam mengasaskan sistem pentadbiran. Pentadbirannya berjalan dengan lancar dan mengagumkan, Ini telah dinyatakan oleh Ungku Sulaiman bin Daud, Pesuruhjaya Besar Kerajaan (State Commissioner General) dalam rangka lawatan tugas rasminya pada 21 hingga 24 Disember 1896,

Penyusunan semula Undang-undang Tanah dan Mukim pada tahun 1910 menyebabkan sistem Penghulu dan Orang Kaya di Batu Pahat dirombak semula. Sebelum 1910, Penghulu dan Orang Kaya mempunyai kuasa mengagihkan hakmilik tanah mengikut adat resam Melayu.



Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini, Pejabat Tanah telah menjadi tumpuan. Penduduk-penduduk berpusu-pusu memohon tanah. Geran-geran tanah mula dikeluarkan dan penduduk lebih galak memiliki tanah dan mengusahakannya.

Undang-undang Tanah 1910 telah memberi tiga kesan penting kepada sistem Penghulu :-

1. Pengurangan kuasa dan peranan tradisi mereka
2. Penghulu menjadi kakitangan kerajaan yang bergaji
3. Pengwujudan unit pentadbiran mukim dan kawasan kuasa Penghulu yang ditentukan oleh undang undang

### ***Pentadbiran Sistem Berseiringan ( Sistem of Parallelism )***

Pada tahun 1911 satu perkembangan yang menarik telah berlaku dalam pentadbiran daerah Batu Pahat. Sistem pentadbiran yang berseiringan ( Sistem of Parallelism) yang mana Pesuruhjaya Kerajaan Daerah kepada dengan Pegawai Daerah yang berbangsa Inggeris dikenali sebagai Penolong Penasihat (Assistant Advisor) diberikan kuasa menjalankan pentadbiran . John Liseter Humpreys dilantik menjadi Penolong Penasihat yang pertama di Batu Pahat dan diberi tugas kuasa-kuasa Majistret, pemungut khazanah tanah dan hasil-hasil daerah.

Pada bulan Mac 1911, Ungku Ahmad bin Mohd Khalid telah dilantik oleh pemerintah sebagai Pesuruhjaya Kerajaan Batu Pahat menggantikan Dato' Bentara Luar. Perlantikan Ungku



Ahmad Ungku Ahmad bin Muhd Khalid menandakan beberapa perubahan yang baru dalam perkembangan dan pentadbiran Batu Pahat. Jawatannya merangkap President Town Board membolehkan beliau memberikan pengawasan kepada keseluruhan pentadbiran. Kewujudan sistem berseiringan ini memperkemaskan lagi sistem pentadbiran yang sedia ada.

Sementara itu, Douglas Cambell, Penasihat British ( British Advisor ) dalam lawatannya ke Batu Pahat bersama Encik Mustapha Dato' Jaafar selama tiga hari telah menyatakan dalam laporannya kepada setiausaha Kerajaan Johor. Menjelang tahun 1912 tidak kurang daripada 12 jabatan kerajaan telah ditubuhkan di daerah ini. Di antaranya, ialah Pejabat Pesuruhjaya Kerajaan, Pejabat Penolong Penasihat, Pejabat Perlindungan Orang Cina, Pejabat Tanah, Pejabat Pos, Mahkamah, Balai Polis, Pejabat Pelajaran, Pejabat Syahbandar, Lembaga Kesihatan, Kerjaraya & Air dan Lembaga Bandaran.

## ***Lembaga Bandaran 1912***

Dengan berkuatkuasa Town Board Enactment 1911, Satu undang-undang mengenai Lembaga Bandaran telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Dengan ini kuasa-kuasa yang lebih diberikan kepada semua Lembaga Bandaran di Negeri Johor.

Lembaga Bandaran adalah satu unit pentadbiran kedua terpenting. Walaupun kuasanya terbatas, namun kemajuan bandar adalah tanggungjawab yang penting.



Dalam tahun 1912, Lembaga Bandaran Bandar Penggaram telah ditubuhkan dan diwartakan. Kawasan pentadbirannya telah ditetapkan di mana ia *“Bermula di sepanjang Parit Sungai Penggaram dan mengikut tebing kiri Parit Sungai Penggaram terus hingga ke persimpangan di Jalan Fatimah. Kemudian mengikut Jalan Fatimah hingga ke simpang dan pertemuan dengan Jalan Ismail ke simpang Jalan Mohd Akil hingga bertembung dengan sungai besar tadi. Akhir sekali mengikut tebing sungai besar memanjang hingga ke tempat permulaan tadi”* (Johor Govt. Gazette, 1912)

Pengerusi Lembaga Bandaran dikenali sebagai President Town Board. Ahli-ahlinya terdiri daripada seorang Pentadbir Daerah, Pegawai Kanan dan orang awam yang berpengaruh.

Satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk membangunkan semula dan meluaskan kawasan bandar Penggaram telah dilakukan. Seluas 18 ekar tanah di kawasan Tasik Al-Kadri, Jalan Ampuan di antara Bukit Bendera dan Pejabat JKR telah dipilih untuk dibangunkan.

Kerja-kerja mengambil tanah merah dari Bukit Bendera dan Bukit Tinjauan untuk menambak jalan-jalan raya di bandar telah dilakukan oleh banduan-banduan. Usaha untuk membina dan menambak Jalan Rahmat (dulunya dikenali sebagai Jalan Kopi) jalan utama sepanjang dua batu berjalan dengan lancar.

Jabatan Kerja Raya & Survey memainkan peranan yang penting dalam pembangunan infrastruktur bandar. Satu pelan baru telah direkabentuk bagi membina jalan raya yang





teratur lurus dan luas. Kawasan-kawasan rezab juga disediakan bagi perluasan pembinaan jalan-jalan yang dijangka akan berlaku pada masa depan.

Pada tahun 1916 satu projek besar telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (Public Works Department) iaitu menyediakan pembekalan air ke kawasan bandar. Sebuah logi air (reservoir) telah dibina bertempat di Gunung Banang dan kemudian pembekalan air telah disalurkan ke kawasan bandar.

Pada masa yang sama juga telah dibina tiang-tinag lampu di tepi-tepi jalan untuk lampu-lampu minyak tanah dan gas untuk dipasang pada waktu malam. Seorang buruh Cina telah ditugaskan untuk memasang dan mengepam lampu-lampu ini pada waktu petang. Peruntukan perbelanjaan menjaga lampu-lampu minyak tanah dan lampu gas itu dikontrakkan kepada seorang usahawan Cina bernama Tan Ah Kok.

Pada amnya, Lembaga Bandaran bertanggungjawab mengawasi kesihatan awam, kebersihan, dan kecantikan bandar serta pembinaan bangunan-bangunan di persekitaran kawasan bandar. Perkhidmatan kesihatan telah mengambil langkah-langkah mempertingkatkan keadaan kebersihan. Sistem mengangkut dan membuang najis telah diperbaiki. Najis-najis manusia diangkut dan dikumpulkan sebelum dibuang ke laut. Anjing-anjing liar yang banyak berkeliaran di bandar didaftarkan dan mana-mana yang tidak berlesen dihapuskan. Pasukan polis turut membantu dalam usaha ini.



Pada tahun 1917 pembangunan infrastruktur dilakukan dengan pesatnya. Sesuai dengan “Enactment Town Board” Lembaga Bandaran Batu Pahat telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya membangunkan infrastruktur yang baik.

Menjelang dekad kedua abad 20, perkembangan pentadbiran di daerah Batu Pahat telah mencapai peringkat kemajuan yang lengkap dan teratur. Dalam tahun 1920, pengkalan konkrit telah dibina di kedua-dua belah tebing sungai yang disebut Tangga Batu Penggaram dan Tanga Batu Peserai. Sebuah jeti konkrit juga dibina bagi kemudahan perdagangan laut, dan pelabuhan Shahbandar. Sesuai dengan kemajuan infrastruktur, pengangkutan sungai mula dirasakan. Kenderaan-kenderaan seperti lori dan kereta kian banyak digunakan. Bagi memudahkan penyeberangan antara bandar dan tebing seberangnya, sebuah Syarikat Penambang Kompeni Muar/Batu Pahat telah ditubuhkan bagi memulakan perkhidmatan feri dan bot-bot.

Usaha-usaha juga telah diteruskan untuk menyediakan jalanraya bagi menghubungkan kampung-kampung yang berselerak di sekitar bandar. Menjelang akhir dekad kedua, pembinaan jalanraya telah dimulakan di antara Batu Pahat dengan Muar. Seterusnya jalanraya menghubungkan Kluang dengan Batu Pahat sejauh 33 batu telah siap dibina yang menghubungkan Tanjung Labuh dan Senggarang.

Pada tahun 1925, pentadbiran untuk pekan Senggarang telah dimasukkan ke dalam pengawasan Lembaga Bandaran Penggaram. Oleh itu, sehingga tahun 1933, kawasan yang ditadbirkan oleh Lembaga Bandaran Batu Pahat (Penggaram) ialah Bandar



Penggaram, Senggarang, Semerah, Chaah, Sri Gading, Air Hitam dan Parit Sulong.

Bagi memastikan pentadbiran yang cekap dan baik Jawatankuasa Lembaga Bandaran sering mengadakan mesyuarat bagi membincangkan pelbagai aspek pentadbiran. Di antara tujuan Lembaga Bandaran ialah menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti menyediakan bekalan air, hal-hal kebersihan dan kesihatan, pembinaan bangunan, parit, tali air, pelesenan pasar dan lain-lain. Di antara tanggungjawab utama ialah untuk mengutip hasil bandaran terutamanya cukai. Pendapatan Lembaga Bandaran Batu Pahat pada tahun 1921 ialah sebanyak \$ 49,691 berbanding dengan \$ 46,079 pada tahun 1920, \$ 113,05 pada tahun 1925 dan \$ 138,00 pada tahun 1926.

## ***Majlis Bandaran 1953-1976***

Selepas zaman pemerintahan Jepun (1941-1945), negara kita mengalami beberapa arus perubahan politik seperti penubuhan Malayan Union (1946-1948) dan Persekutuan Tanah Melayu sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Namun begitu, Jabatan Lembaga Bandaran (Town Board) Batu Pahat terus berubah memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Dengan berkuatkuasa Ordinan Pilihanraya Tempatan 1950, Lembaga Bandaran Batu Pahat dinaikkan tarafnya sebagai Majlis Bandaran Bandar Peggaram pada tahun 1952. Ianya adalah sebuah penguasa tempatan berautonomi kewangan yang mempunyai



kawasan seluas 5.42 batu persegi. Majlis bertanggungjawab mentadbir bandar dan ahli-ahlinya terdiri daripada sembilan orang yang dipilih melalui pilihanraya, tiga orang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan empat orang ahli-ahli Ex-Officio yang terdiri daripada Pegawai Pentadbir Daerah, Jurutera Kerja kanan, Pegawai Kesihatan Kanan dan Ketua Polis Daerah. Pilihanraya yang pertama Majlis Bandaran Bandar Penggaram telah diadakan pada tahun 1953. Pada peringkat awal mesyuarat penuh sering diadakan pada waktu malam di bangunan Dewan Perniagaan Cina, Jalan Rahmat. Mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa pula diadakan di bilik mesyuarat Pejabat Daerah. Majlis Mesyuarat Bandaran memiliki bilik mesyuaratnya sendiri pada 28.3.1956, Satu mesyuarat khas sempena perasmianya telah dihadiri oleh dua orang ahli Parlimen British iaitu Rt. Hon'ble Geoffery Llyod dan Mr. A.G. Champion. Semenjak pilihanraya diadakan iaitu pada tahun 1953, Majlis Mesyuarat Bandaran sentiasa dikuasai oleh Parti Perikatan iaitu, UMNO-MCA-MIC. Tetapi dalam pilihanraya Bandaran 13 Julai 1963, satu keputusan yang mengejutkan telah berlaku yang mana tiada satu parti pun mendapat kerusi majoriti.

Oleh kerana tiada parti yang menguasai Majlis, Maka Parti Socialis Front, United Parti dan Calon Bebas bekerjasama mentadbir Majlis Mesyuarat Bandaran dan Parti Perikatan pula menjadi pembangkang.

Sepanjang pentadbiran Majlis Bandaran oleh parti campuran ini, tiada keselarasan di antara ketiga-tiga parti ini. Beberapa masalah telah berlaku dan banyak projek Majlis tidak dapat dilaksanakan manakala pengurusan kewangan tidak diuruskan dengan baik.



Pada 4 Mei 1966 setelah mengalami pentadbiran yang kucar kacir, pilihanraya Majlis Bandaran dan Tempatan telah digantung. Kerajaan Negeri Johor telah mengambil alih pentadbiran Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan Batu Pahat.

Pada tahun 1966, sebuah Badan Penasihat telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk menerajui Majlis Bandaran Batu Pahat (MPBP). Semenjak itu, pentadbiran MPBP semakin baik dan kedudukan kewangannya bertambah kukuh. Tambahan pula, segala urusan pentadbiran dan tugas-tugas harian Majlis telah ditetapkan dan telah diuruskan dengan teratur.

Kuasa-kuasa yang dijalankan oleh Majlis:-

- Melesen dan memeriksa makanan dan dadah
- Melesen & mengawal pertukaran (trades) perkilangan & penjajaan
- Melesenkan kenderaan kecil
- Mengawal bangunan dan perancangan fizikal
- Mengawal tempat pengiklanan
- Menilai dan memungut cukai pintu (Cukai Harta)
- Mengenakan pelbagai bayaran, lesen dan sewaan & dakwaan mahkamah

Perkhidmatan dan kemudahan yang dilakukan untuk keperluan dan kebajikan penduduk

- Memungut dan membuang sampah
- Mengangkat najis
- Tandas awam



- Menyiasat dan mengawal penyakit berjangkit
- Mengawal pengotoran alam sekitar
- Membersihkan longkang
- Paip air tepi jalan
- Lampu jalan dan lampu trafik
- Rumah penyembelihan awam
- Pasar awam dan pasar makan
- Tempat kenderaan awam
- Perpustakaan dan dewan orang ramai
- Taman bunga, taman rekreasi/tasik
- Tanah lapang, tempat permainan kanak-kanak
- Tanah lapang padang permainan sukan/stadium
- Mengawal lalulintas trafik
- Membaiki dan menyelenggara jalan dan lorong belakang
- Menyediakan khemah & kerusi untuk kegunaan awam

Perkhidmatan agensi bagi pihak kerajaan Johor.

- Tempat letak kereta
- Rumah pangsa jenis murah
- Mengawal Anti Malaria
- Timbang & sukat
- Ban dan pintu air pasang



Kerajaan Negeri Johor dalam mesyuratnya pada 10 Ogos 1976, telah mengambil keputusan tarikh pelancaran menyusun semula Penguasa-Penguasa Tempatan di Daerah Batu Pahat diadakan pada 1 November 1976. Keputusan dibuat supaya daerah ini akan dibahagikan kepada dua Majlis yang dikenali dengan nama Majlis Daerah Batu Pahat Barat dan Majlis Batu Pahat Timur.

Kawasan Majlis Bandaran Bandar Penggaram (MBBP) dan Majlis-Majlis Tempatan tersebut semua kawasan sepanjang jalan-jalan raya selebar 40 rantai di kiri dan kanannya dari tengah-tengah jalan-jalan rayanya dikuatkuasakan di bawah Seksyen 150 Enakmen Lembaga Bandaran (No 118).

Kedua-dua Majlis Daerah ini ditadbirkan di bawah dua Lembaga Pengurus yang terdiri daripada 21 orang ahli bagi Majlis Daerah Batu Pahat Barat dan 21 ahli bagi Majlis Daerah Batu Pahat Timur. Pengerusi bagi kedua-dua Majlis Daerah ini ialah Pegawai Daerah Batu Pahat manakala Timbalannya ialah Penolong Pegawai Daerah Rengit sebagai Timbalannya. Setiausaha bagi Majlis Daerah Batu Pahat ialah Setiausaha Majlis Bandaran Bandar Penggaram, Batu Pahat dan Penolong Pegawai Daerah 1 sebagai Pemangku Setiausaha bagi Majlis Daerah Batu Pahat Timur.

Pemungut Hasil Tanah, Jurutera Kerja Kanan, Pegawai Kesihatan Kanan dan Ketua Polis Daerah, Daerah Batu Pahat adalah menjadi Ahli Ex-Officio bagi kedua-dua Majlis tersebut.



## **Latar Belakang Ringkas Organisasi :**

- 1912 - Penubuhan Lembaga Bandaran
- 1952 - Naik Taraf kepada Majlis Bandaran Bandar Penggaram
- 1.11.1976 - Naik taraf kepada Majlis Daerah Batu Pahat dengan gabungan 6 Majlis Tempatan sedia ada
  - Majlis Tempatan Tongkang Pechah
  - Majlis Tempatan Parit Raja
  - Majlis Tempatan Rengit
  - Majlis Tempatan Sri Gading
  - Majlis Tempatan Senggarang
  - Majlis Tempatan Semerah
- 1.01.2001 - Naik taraf kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat
- 1.01.2021 - 20 tahun Majlis Perbandaran Batu Pahat



The background features abstract geometric shapes in shades of blue and orange, creating a modern, dynamic look. The shapes are layered and overlapping, with some appearing as solid colors and others as outlines or gradients. The overall composition is balanced and visually appealing.

# ***Punca Kuasa - Senarai Akta***



# Punca Kuasa

## - Senarai Akta

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
- Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)
- Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
- Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
  
- ✓ Undang - Undang Kecil yang telah digubal
- ✓ Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang ditimbalguna oleh MPBP
- ✓ Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang ditimbalguna oleh MPBP



# ***Misi & Visi*** ***MPBP***



## **Misi**

---

*Memperkasakan penyampaian perkhidmatan melalui perancangan, pelaksanaan dan pengawalseliaan yang berkesan serta cekap ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat.*

## **Visi**

---

*Majlis Perbandaran Batu Pahat ke arah bandar pintar, lestari dan makmur.*



# ***Fungsi MPBP***



# Fungsi

## Majlis Perbandaran Batu Pahat

- Bertindak sebagai agen pelaksana dan perantara diantara rakyat dan kerajaan
- Mengawal selia aktiviti perniagaan dan perindustrian
- Memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan komuniti dalam pelbagai aktiviti
- Mewujudkan keadaan persekitaran yang selesa dan sejahtera untuk dihuni dan didiami
- Memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkesan bagi dinikmati oleh warga perbandaran



# ***Nilai-Nilai Utama***



# Nilai-Nilai Utama

## **Komitmen**

Membina warga kerja yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang tinggi di dalam bidang tugas masing – masing.

## **Komited**

Mempunyai semangat dan kesungguhan yang tinggi untuk menjayakan dan mencapai kecemerlangan.

## **Responsif**

Sentiasa peka dan mengambil tindakan pro - aktif yang sewajarnya dengan pantas terhadap isu dan permasalahan yang timbul.





## ***Kerja Berpasukan***

Mempunyai semangat kekitaan, toleransi, sedia menerima pandangan dan menghargai pendapat orang lain untuk mencapai visi dan misi organisasi.

## ***Integriti***

Melaksanakan amanah dan kuasa berlandaskan prinsip - prinsip, nilai - nilai, etika - etika dan budaya kerja yang baik.

## ***Akauntabiliti***

Bertanggungjawab terhadap segala tindakan dan hasil tindakan yang telah dibuat berlandaskan Prosedur, Pekeliling, Akta dan arahan semasa.

## ***Prihatin***

Mengambil berat dan memelihara alam sekitar, dan memastikan keselamatan, kesihatan, kebersihan dan kesejahteraan menyeluruh warga perbandaran.

MPBP



AROMA  
CITARASA  
WARISAN

Pasar Pagi, Jalan Ibrahim, Batu Pahat






# ***Carta Organisasi***

# Carta Organisasi

## Majlis Perbandaran Batu Pahat





# ***Anugerah & Pencapaian***



# Anugerah & Pencapaian

## 2016

- Bronze Award; Pertandingan Reka Bentuk Laman PBT Peringkat Negeri Johor Tahun 2016 – Jabatan Lanskap Negeri Johor
- Sijil Bersih Penyata Kewangan Tahun 2015 – Jabatan Audit Negara

## 2017

- Bronze Award; Pertandingan Reka Bentuk Laman PBT Peringkat Negeri Johor Tahun 2017
- Anugerah Khas PBT - Best Softscape Award; Pertandingan Reka Bentuk Laman PBT Peringkat Negeri Johor Tahun 2017
- Sijil Bersih Penyata Kewangan Tahun 2015 – Jabatan Audit Negara

## 2018

- Sijil Bersih Penyata Kewangan Tahun 2017
- Anugerah Bandar Mampan 2018



## 2019

- Anugerah Bandar Mampan 2019
- Sijil Bersih Penyata Kewangan Tahun 2018
- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2018 (5 Bintang)
- Gold Award - Low Carbon Transport Monitoring System
- Silver Award - Smart Recycle Bin (Smartbin)
- Bronze - Bandar Penggaram Towards Low Carbon Cities 2030 - (Urban Transportation)
- Best Of The Best Award - Low Carbon Transport Monitoring System
- States Innovation Award- Low Carbon Transport Monitoring System
- Mip Myplace Awards 2019 – Silver Taman Linear Bandar Batu Pahat - Category 1 – City & Town Park Below 50 Hectares)

## 2020

- Anugerah Bandar Mampan 2020
- Sijil Bersih Penyata Kewangan Tahun 2019
- Prestasi Cemerlang Bagi Bayaran Projek Perkhidmatan Bas Muafakat Johor Tahun 2020/2021
- Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030C) - Pengiktirafan Diamond (Diamond Recognition) On Bandar Penggaram Towards Low Carbon Cities 2030



*Pantai Minyak Beku, Batu Pahat.*





# ***Isu & Cabaran***



# Senario Persekitaran

## ISU DAN CABARAN

### 1. Sosial

- Peningkatan Jenayah
- Gelandangan berleluasa
- Kemiskinan Tegar
- Penambahan Warga Asing
- Penyakit dan Kesihatan
- Pengganguran

### 2. Persekitaran

- Banjir
- Pengurusan Sisa

### 3. Teknologi

- Pembayaran Atas Talian
- Perkhidmatan sistem atas talian
- Liputan Wifi

### 4. Politikal

- Perubahan Pemerintahan Kerajaan
- Perubahan dasar
- Pertukaran pengurusan

### 5. Ekonomi

- Hasik berkurangan
- Pelaburan rendah
- Bajet defisit
- Ekonomi tidak menentu

### 6. Undang-Undang

- Keberkesanan Penguatkuasaan
- Punca Kuasa



# ***Pihak Berkepentingan***



# Pihak Berkepentingan

## Stakeholder

- SUK
- KPKT
- Ahli Majlis



## Pelanggan

- Penduduk
- Pelawat
- Komuniti
- Pelabur
- Pembekal
- Peniaga
- Pembayar Cukai



# ***Teras Strategik***



# Teras Strategik

---

- MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SERTA MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI KEARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI
- MEMPERKASAKAN SUMBER HASIL MAJLIS UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
- MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP YANG MAMPAN BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT.
- MEMPERKASAKAN MUAFAKAT DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN



## Pelan Tindakan

### TERAS STRATEGIK 1

MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SERTA MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI KEARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

STRATEGI	PROGRAM / PELAN TINDAKAN	INDIKATOR PRESTASI	SASARAN / PENCAPAIAN					JABATAN / BAHAGIAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
1. Memantapkan pembangunan organisasi dan modal insan.	Semua anggota menghadiri kursus/latihan	90% staf memenuhi keperluan harian	90%	90%	90%	90%	90%	JKP
	Mengadakan <i>teambuilding</i> bagi staf lantikan baru	Semua staf baru menghadiri <i>teambuilding</i>	1	1	1	1	1	JKP
	Membangunkan dan melaksanakan Pelan Operasi Latihan (POL)	Siap dibangunkan 2 tahun sekali	-	1	-	1	-	JKP
	Membuat pengukuran dan penilaian prestasi melalui SKT di jabatan masing-masing	Setiap 6 bulan Jun dan Disember	2	2	2	2	2	Setiap Jabatan



2.	Menyelesaikan isu warga kerja dengan teratur dan cekap	MBJ	4 Kali setahun	4	4	4	4	4	JKP
		Mesyuarat Lembaga Tatatertib	3 Kali setahun	3	3	3	3	3	JKP
		Mengadakan sesi Perhimpunan Pagi bersama YDP dan Staf	Sekali setahun	1	1	1	1	1	JPMK JKP
3.	Memperkasa perkhidmatan dan pembudayaan Intergriti dalam perkhidmatan	Pelaksanaan Kursus / Seminar Integriti	1 Kali setahun	1	1	1	1	1	Unit Integriti
		Program Kerohanian	12 Kali setahun	12	12	12	12	12	JKP
4.	Memperkasa kualiti perkhidmatan	Pensijilan ISO 9001:2015	Pensijilan semula	1	1	1	1	1	JKP
		Sijil Audit Bersih	Penarafan Sijil Audit Bersih	1	1	1	1	1	JKW
		Sistem penarafan bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB - PBT)	Penarafan SPB-PBT	-	1	-	1	-	Semua Jabatan
		Memastikan Pencapaian Pelan Strategik MPBP disemak 3 kali setahun	Semakan Pelan Strategik	3	3	3	3	3	JKP





## TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKASAKAN SUMBER HASIL MAJLIS UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN.

STRATEGI	PROGRAM / PELAN TINDAKAN	INDIKATOR PRESTASI	SASARAN / PENCAPAIAN					JABATAN / BAHAGIAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
1. Menjana sumber kewangan yang baru	Meningkatkan kawasan bercukai baru dalam kawasan pentadbiran majlis.	Sekurang - kurangnya 1 kawasan cukai baharu	1	1	1	1	1	JPPH
	Meningkatkan hasil baru cukai harta dalam kawasan pentadbiran MPBP	Peningkatan hasil cukai tahunan 5% dari tahun sebelum	5%	5%	5%	5%	5%	JPPH
	Menyemak kadar sewa premis MPBP	Kajian kadar sewa premis milik MPBP (3 tahun sekali)	0	1	0	0	1	JPPH
	Memperbanyakkan kempen dan kaunter bergerak dalam memudahkan urusan bayaran hasil	Bilangan program dianjurkan	2	2	2	2	2	Kempen JKew JPPH JPL Kaunter Bergerak JKew



	Pelupusan barang-barang sitaan yang telah dimuktamadkan	Sekali setahun	1	1	1	1	1	JPK
	Meningkatkan Program Pemutihan Pemajuan Tanpa Kelulusan.	10% daripada bilangan inventori setahun	10%	10%	10%	10%	10%	JPP
	Meningkatkan bayaran permit kaki lima ke atas premis perniagaan yang menggunakan kaki lima	Tambahan 20 permit setahun	20	20	20	20	20	JKW
	Mengenakan permit bangunan sementara ke atas kedai makan, warung, restoran dan lain-lain berskala kecil diatas tanah individu/TOL.	15 permit sementara setahun	15	15	15	15	15	JPP
	Mengenakan permit sementara rel penghadang di kaki lima kedai.	10 permit penghadang setahun	10	10	10	10	10	JPP
	Analisa prestasi kutipan mengikut unjuran bajet	Setiap suku tahun	4	4	4	4	4	JKW



2.	Melaksanakan pemantauan kutipan hasil yang lebih efektif	Pelaksanaan penguatkuasaan tindakan sita kepada notis yang gagal disempurnakan	5 kali operasi setahun	5	5	5	5	5	JPPH
		Menjalankan pendekatan peringatan mesra kepada masyarakat dengan alat / kaedah komunikasi yang lebih berkesan (contoh-surat peringatan, kemudahan ansuran dan lawatan ke premis)	Pengeluaran surat peringatan Lawatan ke premis	1	1	1	1	1	JPPH
		Mengadakan promosi cukai harta bagi meningkatkan kesedaran membayar cukai	Program promosi yang dilaksanakan	2 kali setahun					JPPH JKW
		Mengadakan kumpulan petugas khas bagi memungut tunggakan cukai harta	Jumlah premis dilawati	10	10	10	10	10	JPPH JPK
		Menjalankan kajian audit prestasi	2 kali setahun	2	2	2	2	2	UAD
		Menjalankan audit pengurusan kewangan	2 kali setahun	2	2	2	2	2	UAD
		Menjalankan audit susulan	2 kali setahun	2	2	2	2	2	UAD



### TERAS 3

**MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP YANG MAMPAN BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT.**

STRATEGI	PROGRAM / PELAN TINDAKAN	INDIKATOR PRESTASI	SASARAN / PENCAPAIAN					JABATAN / BAHAGIAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
1. Menjana sumber kewangan yang baru	Pengurusan kebersihan yang cekap dan mampan	Pemantauan perkhidmatan kebersihan Perbandaran	12	12	12	12	12	JK
	Inisiatif kempen kesedaran awam tentang kebersihan bandar	Bilangan kempen kesedaran awam	2	2	2	2	2	JK JPMK
	Mengenal pasti lokaliti yang menjadi wabak denggi	Laporan kes denggi	12	12	12	12	12	JK
2. Memperkasa pelaksanaan program Bandar Hijau	Penyediaan Buku Bandar Hijau / Bandar Rendah Karbon MPBP	Siap pada 2025						JPP
	Program promosi Bandar Hijau	Townhall Seminar Lawatan	12	12	12	12	12	JPP



		Mengadakan hari tanpa kenderaan	Setahun 12 kali program dijalankan	12	12	12	12	12	JPP
		Memperkuuhkan pelaksanaan kebun kejiranan	Mengadakan kebun kejiranan yang baharu dalam taman	2	2	2	2	2	JPP
3.	Mempertingkatkan kemudahan prasarana serta perkhidmatan perbandaran	Mengoptimumkan kawasan lapang bagi memberikan kemudahan riadah kepada penduduk	Membangunkan sekurang-kurangnya 2 kawasan lapang setahun	2	2	2	2	2	JKL
4.	Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan	Menjawab aduan yang diterima	80% maklumbalas penerimaan aduan diberikan dalam tempoh 3 hari bekerja	Mengikut jumlah aduan yang diterima					JPMK
		Menambahbaik bilangan sampel dan memperluaskan kaedah kajian selidik	Bilangan warga yang memberikan respon	1	1	1	1	1	JPMK
5.	Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan	Pemantauan rondaan di kawasan Industri	Analisis Data rondaan kawasan Industri bagi setiap bulan	12	12	12	12	12	JPK
		Mengawal pertumbuhan peniaga dan penjaja tanpa kebenaran	Tindakan pencegahan (Notis, Kompau, Sitaan, Meroboh)	1	1	1	1	1	JPK
		Mengadakan dialog bersama penjaja/ bazar.	Sesi dialog dikawasan yang dikenalpasti	1	1	1	1	1	JPL



## TERAS 4

### MEMPERKASAKAN MUAFAKAT DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN

STRATEGI	PROGRAM / PELAN TINDAKAN	INDIKATOR PRESTASI	SASARAN / PENCAPAIAN					JABATAN / BAHAGIAN
			2021	2022	2023	2024	2025	
1. Memastikan pembangunan dijalankan mengikut perancangan	Proses dan Prosedur Kelulusan Permohon	Jumlah Pelan Pemajuan yang diproses mengikut prosedur dan tempoh ditetapkan	100%	100%	100%	100%	100%	OSC JPB JKL
		Edaran dan keputusan pelan pemajuan secara atas talian	100%	100%	100%	100%	100%	OSC
		Bilangan Pelan pemajuan yang telah diperakukan disampaikan kepada pemohon	100%	100%	100%	100%	100%	JPB JKL
	Memastikan pelaksanaan menepati jadual pelaksanaan projek	Semua projek mengikut masa yang ditetapkan	100%	100%	100%	100%	100%	JKL



2.	Memperkasakan penyertaan komuniti dalam perancangan pembangunan	Mengadakan promosi kepada masyarakat mengenai rancangan pelan pembangunan	Bilangan promosi yang diadakan	2	2	2	2	2	JPP
		Membuat sesi townhall kepada peniaga-peniaga	Bilangan sesi townhall	1	1	1	1	1	JPP
3.	Memantapkan penyediaan infrastruktur yang terbaik.	Menaik taraf taman rekreasi / permainan yang uzur	Bilangan taman yang dinaik taraf	2	2	2	2	2	JKL
		Pemasangan kamera litar tertutup di kawasan perniagaan dan tempat awam	Bilangan kamera yang disediakan	5	5	5	5	5	JPP

**JKP** : Jabatan Khidmat Pengurusan

**JKW** : Jabatan Kewangan

**JPPH** : Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

**JKL** : Jabatan Kejuruteraan dan Landskap

**JPP** : Jabatan Perancangan Pembangunan

**JPL** : Jabatan Pelesenan

**JK** : Jabatan Kesihatan

**JPMK** : Jabatan Pembangunan Masyarakat Dan Korporat

**JPK** : Jabatan Penguatkuasaan

**UAD** : Unit Audit Dalam

**OSC** : Pusat Setempat



Pantai Sungai Lurus, Batu Pahat.





# ***Penutup***



# Penutup

---

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Batu Pahat 2021-2025 telah menggariskan strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 2021-2025 bagi mencapai teras strategik yang telah ditetapkan. Justeru itu, Pelan Strategik ini berfungsi sebagai panduan bagi memastikan pencapaian terhasil secara cekap, cemerlang dan berkualiti.

Pemantauan akan diadakan seperti dalam perancangan supaya sasaran dan pencapaian terhasil dan segala penambahbaikan boleh dilakukan dengan segera berdasarkan KPI yang berkaitan. Pelaksanaan pelan ini juga memerlukan kepemimpinan berprestasi tinggi dan tadbir urus yang berkualiti, berintegriti, responsif dan modal insan yang kompeten.

Oleh yang demikian, seluruh warga kerja MPBP perlu mantap dan komited dalam usaha merealisasikan visi dan misi serta pelan tindakan yang digariskan dalam Pelan Strategik MPBP 2021 - 2025.



# *Maju & Sejahtera*



**MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT**

**Jalan Pejabat, 83000 Batu Pahat, Johor**

Email : [info@mpbp.gov.my](mailto:info@mpbp.gov.my) | Website : [www.mpbp.gov.my](http://www.mpbp.gov.my)

Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-432 1164